

## PRINSIP PELANCONGAN BERTERASKAN KOMUNITI DARI PERSPEKTIF ISLAM *THE PRINCIPLES OF COMMUNITY BASED TOURISM FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE*

Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali<sup>1\*</sup>, Muhammad Shahrul Ifwat Ishak<sup>2</sup>, Ahmad Faizol Ismail<sup>2</sup>, Mutia Sobihah Abd Halim<sup>3</sup> & Zaharah Salwati Baba<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

<sup>2</sup> Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

### ARTICLE INFO

\*Author Email Address:  
emtajuddin@unisza.edu.my

Received Date:  
15 June 2024

Accepted Date:  
30 July 2024

Published Date:  
25 August 2024

Kata Kunci:  
Pelancongan, Pelancongan berteraskan komuniti, Pelancongan Islam, Nilai Islam, Kemampanan

Keywords:  
*Tourism, Community based tourism, Islamic tourism, Islamic value, Sustainability*

### Cite as:

Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Muhammad Shahrul Ifwat Ishak, Ahmad Faizol Ismail, Mutia Sobihah Abd Halim & Zaharah Salwati Baba. 2024. Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti dari Perspektif Maqasid Shariah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(2): 72-85

### ABSTRAK

Pelancongan Berasaskan Komuniti, yang melibatkan komuniti tempatan secara langsung dalam semua projek pembangunan di sesebuah kawasan, merupakan salah satu cabang pelancongan di Malaysia. Ia memberi peluang kepada komuniti tempatan untuk mengurus, membangunkan, dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Terdapat enam prinsip utama dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti: penglibatan komuniti, kepekaan budaya, kelestarian alam sekitar, manfaat ekonomi untuk komuniti, menghormati hak asasi manusia, dan pendidikan serta pembangunan kapasiti. Namun, tiada analisis Syariah yang dilakukan untuk menilai kesesuaian prinsip-prinsip ini dengan ajaran Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip ini dari perspektif Islam. Kajian ini bersifat kualitatif. Data dikumpulkan dari sumber primer dan sekunder dan dianalisis menggunakan teknik analisis data. Dapatan kajian menunjukkan prinsip-prinsip Pelancongan Berasaskan Komuniti mempunyai asas dalam Syariah yang boleh disimpulkan kepada tiga konsep utama: bantu membantu dalam kebaikan dan ketakwaan, menghormati manusia dan alam serta peningkatan diri ke arah kebaikan. Prinsip penglibatan komuniti terkandung dalam konsep membantu dalam kebaikan dan ketakwaan. Prinsip kepekaan budaya dan kelestarian alam sekitar termasuk dalam konsep menghormati manusia dan alam, manakala konsep memperbaiki diri ke arah kebaikan merangkumi prinsip manfaat ekonomi untuk komuniti

### ABSTRACT

*Community-Based Tourism, which involves the local community directly in all development projects in a particular area, is one of the branches of tourism in Malaysia. It provides an opportunity for the local community to manage, develop, and improve their quality of life. There are six main principles in Community-Based Tourism: community involvement, cultural sensitivity, environmental sustainability, economic benefits for the community, respect for human rights, and education and capacity development. However, no Shariah analysis has been conducted to assess the compatibility of these principles with Islamic teachings. This study aims to analyze these principles from an Islamic perspective. This study is qualitative in nature. Data was collected from primary and secondary sources and analyzed using data analysis techniques. The study's findings indicate that the principles of Community-Based Tourism have their foundations in Shariah, which can be summarized into three main concepts: helping one another in goodness and piety, respecting humans and nature, and self-improvement toward betterment. The principle of community involvement is contained within the concept of helping one another in goodness and piety. The principles of cultural sensitivity and environmental sustainability fall under the concept of respecting humans and nature while the concept of self-improvement toward betterment encompasses the principles of economic benefits for the community and education and capacity development.*

## PENGENALAN

Bidang pelancongan adalah merupakan antara penyumbang utama pendapatan negara. Negara kita sebelum pandemik Covid 19 melanda dunia, Malaysia telah mencatat kadar ketibaan pelancong tertinggi iaitu 26.1 juta orang yang menyumbang pendapatan sebanyak RM86.1 bilion (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2022). Jumlah ini walau bagaimanapun telah menurun dengan mendadak apabila pandemik COVID-19 melanda dunia. Tahun 2021, menunjukkan penurunan sebanyak 96.9% dengan hanya 134,728 pelancong antarabangsa direkodkan. Ini jauh berbeza dengan rekod tahun 2020 iaitu 4,332,722 ketibaan pelancong asing (Parlimen Malaysia, 2021).

Namun apabila kelonggaran mula diberikan pada tahun 2022, industri pelancongan kembali melonjak. Peningkatan ini berterusan sehinggalah kini. Bagi tempoh Januari sehingga Disember 2022 sahaja, Malaysia menerima 10.07 juta pelancong antarabangsa dan merekodkan RM29.70 bilion pendapatan pelancongan (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2023). Bagi separuh tahun pertama 2024, Malaysia telah mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Ia mewakili ketibaan seramai 11.8 juta orang pelancong asing. Perkembangan ini telah menjana RM45.4 bilion, iaitu 50.8% peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan yang baik ini adalah hasil langkah proaktif yang dilaksanakan Kementerian berkaitan bagi menarik lebih ramai pelancong, terutamanya dari Singapura, Indonesia, China, Thailand dan India yang merupakan negara sumber utama pelancong asing. (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2024). Program rumah inap yang bertujuan memperkasakan ekonomi luar bandar bagi merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar juga telah merekodkan pendapatan pelancongan sebanyak RM28.50 juta bagi tempoh yang sama. Jumlah penginap bagi program ini mencatat jumlah melebihi 500,00 orang (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2023).

Bagi memperkasakan lagi program rumah inap, Pelancongan Berasaskan Komuniti atau *Community Based Tourism* (CBT) telah diperkenalkan oleh kerajaan. Program Pelancongan Berasaskan Komuniti mampu memberikan peluang kepada komuniti setempat untuk mengurus, mengembangkan dan meningkatkan taraf kehidupan komuniti berkenaan. Program Pelancongan Berasaskan Komuniti akan merangkumi pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan juga penjagaan alam sekitar kawasan berkenaan (Yusof et. al., 2012).

### Pelancongan Berteraskan Komuniti

Pelancongan Berteraskan Komuniti merupakan salah satu daripada cabang pelancongan yang terdapat di Malaysia. Program Pelancongan Berteraskan Komuniti mampu memberikan peluang kepada komuniti setempat untuk mengurus, mengembangkan dan meningkatkan taraf kehidupan mereka. Program Pelancongan Berteraskan Komuniti merangkumi aspek pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan juga penjagaan alam sekitar kawasan yang terlibat (Yusof et. al., 2012).

Takrifan yang berbeza telah diberikan kepada konsep Pelancongan Berteraskan Komuniti mengikut kefahaman dan disiplin penyelidik dalam bidang pelancongan. Namun ia disimpulkan sebagai pelancongan yang melibatkan komuniti setempat secara langsung dalam semua projek pembangunan di sesebuah kawasan yang terbabit (Hussin & Kunjuraman, 2017). Pada hari ini pelancongan berteraskan komuniti telah menjadi satu arah aliran yang popular di seluruh dunia. Pelancongan Berteraskan Komuniti didapati mampu meningkatkan pembangunan kawasan luar bandar dan menyokong sosio-ekonomi tempatan melalui pelbagai sektor pelancongan. Secara umumnya, pendapatan daripada aktiviti pelancongan berasaskan komuniti dijana oleh penduduk tempatan dalam pelbagai bentuk, terutamanya melalui perniagaan dan penyediaan perkhidmatan (Khairuddin & Ishak, 2022). Di Malaysia, kerajaan secara rasmi melancarkan pelancongan berasaskan komuniti pada tahun 1995 di bawah Pelancongan Luar Bandar Malaysia Pelan Induk (MRTMP). Pelan itu bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan tersebut justeru itu dapat mengurangkan migrasi luar bandar (Rojulai, 2012).

Salleh et.al. (2013) percaya program Pelancongan Berteraskan Komuniti merupakan salah satu perkara penting dalam pembentukan kualiti kehidupan yang lebih baik dan masyarakat yang dinamik dan bersepadu. Kayat dan Zainuddin (2016) memberikan pandangan yang senada dengan Salleh apabila mereka berpandangan bahawa Pelancongan Berteraskan Komuniti mampu memberi pendapatan tambahan untuk komuniti di kawasan luar bandar dan sekaligus mampu mengurangkan kadar kemiskinan serta mampu mewujudkan kualiti hidup yang lebih baik di kawasan luar bandar. Peruntukan dari aspek perancangan untuk kemudahan masyarakat yang bersesuaian akan mampu menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh komuniti.

Kepentingan program Pelancongan Berteraskan Komuniti kepada golongan masyarakat dan komuniti setempat dapat dilihat dari pelbagai aspek iaitu program Pelancongan Berteraskan Komuniti akan membantu dalam penyediaan rangka kerja yang lebih sistematik untuk pembangunan sosial dan masyarakat. Selain itu, ia bagi menjamin kejayaan berpanjangan masyarakat terutama dalam era yang semakin mencabar ini (Amerta, 2017; Patandianan & Shibusawa, 2020).

Dalam masa yang sama program Pelancongan Berteraskan Komuniti memberi peluang kepada penduduk setempat untuk menentukan dan memelihara sosio-ekonomi mereka untuk masa hadapan melalui aktiviti seperti memperlihatkan cara hidup masyarakat di pulau memelihara dan memulihara sumber yang terdapat di kawasan persekitaran berkenaan. Selain itu Pelancongan Berteraskan Komuniti turut merangkumi aspek lain yang melibatkan masyarakat antaranya pendidikan, kesihatan, perumahan dan juga kepimpinan (Mathew & Sreejesh, 2017).

Swarbrooke (1999) percaya bahawa Pelancongan Berteraskan Komuniti memainkan peranan yang penting untuk menjamin kelestarian pelancongan. Kelestarian pelancongan mula diperkenalkan sejak akhir 1980-an di mana penggunaan istilah 'pelancongan hijau' adalah lebih meluas dan masalah persekitaran seperti pencemaran berlebihan dan pemanasan global sering menjadi tumpuan. Pada awal 1990-an, istilah 'pelancongan lestari' sudah biasa digunakan. Ia merangkumi pendekatan pelancongan yang menyedari pentingnya komuniti setempat, staf dan

keinginan memaksimumkan manfaat ekonomi pelancongan untuk komuniti setempat. Lestari dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti merangkumi pelbagai aspek termasuk mengurangkan kos dan meningkatkan manfaat alam sekitar, ekonomi dan sosial, penglibatan masyarakat tempatan dan kepuasan pelancong (Choi & Sirakaya, 2005; Cottrell et al., 2013). Perkembangan pertumbuhan industri pelancongan dan Pelancongan Berteraskan Komuniti serta aplikasi lestari dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti ini menjadi semakin penting bagi semua pihak yang berkepentingan iaitu operator, pelancong dan komuniti setempat (Brida et al., 2010).

*United Nation World Tourism Organisation* (2024) mengakui kepentingan pelancongan lestari di mana mereka telah menggarisjkan bahawa pelancongan lestari haruslah mengoptimumkan penggunaan sumber alam sekitar dan dalam waktu yang sama mengekalkan proses ekologi dan membantu pemeliharaan warisan semula jadi serta biodiversiti. Selain itu, keaslian sosial-budaya, pemeliharaan warisan budaya binaan dan hidup komuniti setempat serta nilai-nilai tradisional dan menyumbang kepada pemahaman dan toleransi antara budaya hendaklah dihormati. Operasi ekonomi jangka panjang yang mampan dan, memberikan faedah sosio-ekonomi yang diagihkan dengan adil kepada semua pihak berkepentingan juga hendaklah dipastikan berlaku. Ini merangkumi aspek peluang mendapatkan pekerjaan yang stabil, peluang pendapatan dan perkhidmatan sosial untuk komuniti setempat di samping menyumbang kepada pengurangan kemiskinan.

Pelancongan Berteraskan Komuniti juga bertanggungjawab dalam mengekalkan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Ia berperanan penting dalam seni budaya, dan menjadi satu mekanisme pembelajaran dalam menghormati alam, budaya setempat, dan bagi sesetengah orang ianya adalah peluang untuk refleksi diri yang diilhamkan oleh keindahan persekitaran. Ini bermaksud perlunya penglibatan pekerja serta produk tempatan dalam membuat keputusan dan dalam organisasi aktiviti pelancongan (Sambotin et al., 2011).

### **Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti**

Ayob dan Yaacob (2023) menggariskan enam prinsip utama dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti. Prinsip ini ialah penglibatan komuniti, sensitiviti budaya, kemampuan alam sekitar, manfaat ekonomi untuk komuniti, menghormati hak asasi manusia dan pendidikan serta pembangunan kapasiti.

Penglibatan komuniti ialah prinsip utama Pelancongan Berteraskan Komuniti. Tanpa penglibatan mereka maka tiadalah Pelancongan Berteraskan Komuniti. Dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti, komuniti setempat dilibatkan dalam merancang, membangunkan dan mentadbir aktiviti pelancongan di tempat mereka. Dengan kata lain, komuniti setempat turut disertakan dalam pertumbuhan industri pelancongan di tempat mereka (Ayob & Yaacob, 2023). Melalui penglibatan komuniti juga, pembangunan komuniti dapat dicapai. Pembangunan komuniti sebagaimana yang dirumuskan oleh Sabran (2003) ialah usaha bersungguh-sungguh daripada semua pihak terutamanya masyarakat yang terlibat untuk memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan mereka. Dalam melaksanakannya, kerjasama dan penggunaan segenap sumber yang wujud adalah fundamental untuk memastikan kejayaan pembaikan kualiti

kehidupan masyarakat yang terbabit.

Oleh kerana Pelancongan Berteraskan Komuniti antara lain berobjektifkan peningkatan kesedaran budaya dan menghormati tradisi serta adat tempatan, sensitiviti budaya menjadi salah satu prinsip penting dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti. Melalui program ini para pelancong digalakkan untuk mengenali cara hidup masyarakat tempatan. Mereka juga diberikan galakan untuk turut serta dalam acara budaya dengan cara yang sopan dan bertanggungjawab (Ayob & Yaacob, 2023). Othman et. al (2012) berpandangan kesedaran budaya ialah kesedaran bahawa latar belakang budaya setiap orang adalah berbeza. Oleh itu tingkah laku mereka mungkin berbeza. Kesedaran budaya bukan sahaja penting bagi penduduk di negara berbilang kaum bahkan dalam kalangan komuniti yang mempunyai budaya yang sama kerana cara pemikiran setiap ahli komuniti adalah berbeza walaupun budaya yang dikongsi adalah sama.

Kemampuan telah didefinisikan pada tahun 1987 oleh Suruhanjaya Brundtland Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai “memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri” (*United Nation World Tourism Organisation, 2024*) Alam semulajadi pula merupakan sebahagian daripada prasyarat dalam memajukan sektor pelancongan sesebuah negara (Johnes & Mapjabil, 2020). Pelancongan Berteraskan Komuniti banyak bergantung kepada alam sekitar. Oleh itu adalah wajar jika kemampuan alam sekitar termasuk dalam prinsip-prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti. Kemampuan pelancongan sebegini disokong kuat oleh pengkalan sumber semulajadi. Untuk tujuan itu kesan negatif pelancongan terhadap alam sekitar perlu diminimakan di samping pemeliharaan alam semulajadi perlu digalakkan (Ayob & Yaacob, 2023).

Prinsip Pelancongan berteraskan Komuniti yang seterusnya ialah manfaat ekonomi untuk komuniti. Melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan penciptaan peluang pekerjaan, Pelancongan Berteraskan Komuniti berusaha untuk menjana keuntungan ekonomi kepada komuniti yang terlibat. Ini bagi memastikan bukan hanya segelintir individu, bahkan keseluruhan komuniti akan memperolehi manfaat ekonomi dari sektor Pelancongan Berteraskan Komuniti ini (Ayob & Yaacob, 2023).

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, antara objektif Pelancongan Berteraskan Komuniti ialah meningkatkan kesedaran budaya dan menghormati tradisi serta adat tempatan. Tradisi dan adat tempatan adalah antara hak asasi sesuatu komuniti dan perlu dihormati. Justeru itu, menghormati hak asasi manusia telah dijadikan sebagai salah satu prinsip dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti (Ayob & Yaacob, 2023). Abdul Aziz (2018) menegaskan bahawa hak asasi manusia adalah hak yang dipunyai oleh seseorang individu atas kapasiti sebagai manusia dan ia meliputi pelbagai skop kehidupan. Antaranya hak untuk hidup, hak menyuarakan pendapat, kebebasan untuk bergerak dan juga hak untuk berfikir. Hak Asasi manusia menurut kacamata Barat adalah mutlak bagi dirinya tanpa sebarang batasan. Namun hak asasi manusia dari kacamata Islam pula adalah tidak mutlak dan ianya bermatlamatkan melindungi maruah dan karamah insan yang merupakan elemen penting membezakan antara manusia dari makhluk yang lain. Untuk merealisasikan prinsip ini pendekatan dalam merealisasikan peningkatan kesedaran budaya dan menghormati tradisi dan adat setempat boleh diaplikasikan.

Pendidikan dan Pembangunan Kapasiti adalah merupakan prinsip terakhir dalam Pelancongan berteraskan Komuniti menurut pandangan Ayob dan Yaacob (2023). Pembangunan sebagaimana yang disimpulkan oleh Othman dan Pon (2005) adalah proses yang membolehkan manusia merealisasikan potensi, membina keyakinan serta membawa kehidupan ke arah kemuliaan dan penuh bermakna. Berdasarkan pengertian ini, Pelancongan Berteraskan Komuniti bertujuan antara lain ialah untuk membolehkan komuniti yang terlibat merealisasikan potensi mereka dan membina keyakinan untuk melangkah lebih maju ke arah taraf hidup yang lebih baik dan bermakna. Untuk itu pelbagai langkah yang wajar sepatutnya diambil supaya komuniti setempat mendapat manfaat dari segi pendidikan yang melibatkan apa jua kemahiran yang diperlukan untuk membangunkan kapasiti mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk penyelidikan merupakan gambaran asas perancangan sesuatu kajian dari sudut pengumpulan dan analisa data (Creswell, 2014). Kajian ini adalah kajian kualitatif. Dapatan dalam kajian ini bukanlah diperolehi dari statistik mahupun mana-mana metod pengumpulan data kuantitatif (Corbin & Strauss, 2008). Dalam kajian kualitatif, pengkaji adalah instrumen terpenting dalam pengumpulan dan penganalisisan data sama ada ianya dalam bentuk perkataan atau lakaran. Kajian dijalankan dalam latar semulajadi di mana analisis induktif akan dilakukan terhadap fokus utama iaitu makna yang diberikan oleh para responden (Lebar, 2017). Data dalam kajian ini dikumpul dari sumber primer dan sekunder termasuklah buku, artikel dan dokumen (Awang, 2009). Dalam kajian ini, data yang berkaitan pelancongan berteraskan komuniti dan hukum hakam Syarak berkaitannya diambil dari penulisan yang berkaitan. Pengumpulan data ini penting bagi menzahirkan bagaimana pandangan Islam terhadap prinsip-prinsip pelancongan berteraskan komuniti.

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik analisis data. Analisis data sebagaimana yang dinyatakan oleh Wilkinson dan Birmingham (2003) adalah teknik penyelidikan untuk membuat inferens kepada konteks yang betul dari data dipungut. Kaedah analisis tematik akan digunakan dalam menganalisa data-data yang diperolehi melalui kajian dokumen terhadap penulisan-penulisan yang berkaitan dengan pelancongan berteraskan komuniti dan hukum hakam serta ajaran Islam yang berkaitan.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Pendekatan Islam Terhadap Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti.**

Islam tidak sama sekali menghalang penganutnya untuk melancong. Bahkan terdapat banyak ayat al-Quran yang menggalakkan umat Islam berjalan di muka bumi untuk mengambil iktibar dari apa yang mereka saksikan. Dalam al-Quran terdapat 14 ayat yang secara umumnya mengandungi perintah Allah supaya manusia mengembara (Md Ariffin, 2021). Antara lain Allah berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 20:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ قُلْ إِنَّ اللَّهَ لَعَلَّ  
يُنشئُ الْبَشَرَ لَشَيْءٍ آخَرَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Walau bagaimanapun pelancongan menurut Islam hendaklah mengikut acuan Islam atau dengan kata lain hendaklah patuh Syariah. Namun ini tidaklah bermakna Islam membataskan pelancongan hanya kepada pelancongan berbentuk keagamaan semata-mata bahkan ia boleh merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Antara bentuk pelancongan moden pada hari ini ialah Pelancongan Berteraskan Komuniti. Bentuk pelancongan ini mempunyai perinsip-prinsipnya seperti yang telah dinyatakan di atas. Prinsip-prinsip ini tidak bercanggah dengan ajaran Islam bahkan mempunyai sandarannya dalam Syarak.

Prinsip utama Pelancongan Berteraskan Komuniti ialah penglibatan komuniti. Komuniti akan terlibat secara langsung merancang, membangunkan, mentadbir aktiviti pelancongan di tempat mereka. Penglibatan mereka jika dilihat dari perspektif Syariah disokong kuat oleh konsep tolong menolong dalam melakukan perkara kebaikan. Islam menggesa umat Islam untuk saling bantu membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan. Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”.

Untuk merealisasikan perintah ini dalam konteks Pelancongan Berteraskan Komuniti, semua aktiviti yang dianjurkan dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti hendaklah patuh Syariah kerana ayat yang sama juga mengharamkan umat Islam bantu membantu dalam perkara dosa dan permusuhan.

Prinsip kedua Pelancongan Berteraskan Komuniti adalah sensitiviti budaya yang diharapkan para pelancong akan mengenali cara hidup masyarakat tempatan melalui penglibatan mereka dalam acara budaya dengan cara yang sopan dan bertanggungjawab. Prinsip ini disokong oleh Syarak berdasarkan hakikat tujuan penciptaan manusia yang pelbagai bangsa adalah untuk saling kenal mengenali. Firman Allah dalam ayat 13 surah al-Hujurat:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

Dalam ayat ini Allah menjelaskan bahawa sebab diciptakan manusia berbagai warna kulit dan suku ialah supaya mereka dapat saling kenal mengenali antara satu sama lain. Mengenali antara satu sama lain termasuklah mengenal dan menghormati latar budaya masing-masing. Prinsip menghormati ini juga disokong oleh kaedah fiqh yang berbunyi:

العادة محكمة

Ia bermaksud, “adat diterima sebagai hukum”. Namun latar budaya pelancongan menurut perspektif Islam hendaklah tidak bercanggah dengan hukum Syarak. Ini adalah selari dengan syarat pemakaian adat iaitu tiada nas Syarak yang melarangnya (al-Zuhayli, 1986). Kemampanan alam yang merupakan prinsip ketiga dalam Pelancongan Berteraskan Syariah juga mempunyai sandarannya dalam Syariat Islam. Islam amat mengambil berat mengenai penjagaan alam sekitar. Allah SWT berfirman dalam surah al-Anbia’ ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” .

Penjagaan Islam terhadap kemampanan alam sekitar disokong oleh Maqasid Syariah. Antaranya ialah maqasid penjagaan nyawa dan juga maqasid penjagaan harta. Menjadi kewajiban setiap manusia menjaga keselamatan diri dan nyawa mereka. Antara cara penjagaan nyawa ialah menyediakan keperluan asasi manusia yang terdiri dari makanan, minuman, perubatan dan seumpamanya lagi. Dalam waktu yang sama manusia juga dilarang sama sekali melakukan apa jua perbuatan yang bukan sahaja boleh memudharatkan diri dan nyawa mereka bahkan juga orang lain. Ini termasuklah perbuatan memusnahkan alam sekitar kerana ianya akan menatijahkan kemudharatan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda manusia. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ۚ وَأَحْسِنُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

### المُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

Penjagaan nyawa manusia dan juga harta benda tidak akan sempurna sekiranya kemampuan alam sekitar tidak dipelihara. Kemusnahan alam sekitar akan mencetuskan bukan sahaja kerosakan harta benda bahkan kehilangan nyawa sebagaimana yang sering dilihat dalam tragedi yang melibatkan bencana alam. Bahkan keprihatinan Islam terhadap memelihara alam terbukti melalui larangan memusnahkan pokok dan haiwan selain dari untuk keperluan makanan semasa peperangan: Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Malik:

وَإِنِّي مُوصِيكَ بِعَشْرٍ: لَا تَقْتُلَنَّ امْرَأَةً، وَلَا صَبِيًّا، وَلَا كَبِيرًا هَرِمًا، وَلَا تَقْطَعَنَّ شَجَرًا مُثْمِرًا، وَلَا تُخْرِبَنَّ عَامِرًا، وَلَا تَعْقِرَنَّ شَاةً، وَلَا بَعِيرًا، إِلَّا لِمَا كَلَلَهُ. وَلَا تَحْرِقَنَّ نَحْلًا، وَلَا تُعْرِقَنَّهٗ، وَلَا تَغْلُلْ وَلَا تَجْبِنْ

Maksudnya: “Dan aku mewasiatkan kepada kamu 10 perkara (ketika peperangan berlaku): jangan kamu bunuh wanita-wanita, dan jangan bunuh anak-anak kecil, dan jangan bunuh orang-orang tua, jangan memotong pohon yang sedang berbuah, jangan merobohkan bangunan, jangan menyembelih kambing ataupun unta kecuali hanya untuk dimakan, jangan membakar pohon kurma atau menenggelamkannya, dan janganlah jadi seperti digari atau menjadi seorang yang penakut.”

Prinsip Pelancongan berteraskan Komuniti yang seterusnya ialah manfaat ekonomi untuk komuniti. Allah menciptakan dunia dan segala isinya untuk kegunaan manusia (Al-Maududi, 2014). Bagi memudahkan manusia menjalankan sebagai khalifah Allah, maka Allah telah mempermudah segala sesuatu di muka bumi ini untuk digunapakai oleh manusia di dalam menjalankan misinya itu. Namun begitu manusia tidaklah bebas secara mutlak dalam menggunakan apa yang Allah SWT sediakan untuk mereka. Mereka hanya boleh menggunakannya dalam batasan yang dibenarkan Allah SWT sahaja. Tingkah laku penggunaan yang melampaui batasan ini dianggap berdosa. Firman Allah dalam surah al-An'am, ayat 141:

وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرَّمَانَ مِثْلَهَا وَغَيْرَ مِثْلِهَا ۖ كُلُوا ۖ مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا ۖ حَقَّهُ ۖ يَوْمَ حَصَادِهِ ۖ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: “Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau”.

Setiap manusia berhak untuk mendapatkan bahagiannya dari apa yang Allah sediakan untuk mereka. Sumber-sumber yang disediakan boleh digunapakai secara bebas dan manusia berhak mengambil manfaat darinya selari dengan Firman Allah dalam surah al-Jathiyat, ayat 12:

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لَتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya, dan juga supaya kamu bersyukur”.

Islam juga tidak pernah sesekali mengizinkan mana-mana individu atau kelompok untuk memonopoli mana-mana aktiviti ekonomi termasuklah perniagaan. Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti ini juga selaras dengan ajaran Islam. Umat Islam digalakkan berusaha mencari rezeki sendiri tanpa meminta-minta dari pihak lain. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ، فَيَأْتِيَ بِجُزْمَةِ الْحَطَبِ عَلَى ظَهْرِهِ، فَيَبِيعَهَا، فَيَكُفَّ اللَّهُ بِهَا وَجْهَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ.

Maksudnya: “Seseorang itu mengambil tali lalu membawa seikat kayu api di atas belakangnya dan menjualnya, maka (yang dengan itu) Allah akan menjaga (air) mukanya adalah lebih baik dari dia meminta-minta dari orang ramai sama ada mereka memberinya atau tidak”.

Pelancongan Berteraskan Komuniti akan membawa manfaat kepada masyarakat. Melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan penciptaan peluang pekerjaan, konsep pelancongan ini bukan sahaja dapat membantu komuniti untuk sama-sama merealisasikan berusaha mencari rezeki sendiri tanpa meminta-minta selaras dengan saranan Rasulullah SAW bahkan dalam waktu yang sama dapat mengelakkan sektor pelancongan dari dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu sahaja.

### **Pendidikan dan Pembangunan Kapasiti adalah merupakan prinsip terakhir dalam Pelancongan berteraskan Komuniti.**

Islam amat menitik beratkan pendidikan dan pembangunan kapasiti. Konsep pendidikan

sepanjang hayat dalam Islam adalah jelas kerana Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu yang bermanfaat dalam pelbagai bidang. Melalui pendidikan berpanjangan kehidupan dapat diperbaiki melalui pembangunan kemahiran bekerja, pembaikan sahsiah dan penambahan ilmu dalam pelbagai bidang (Mohd. Sufi, 2009).

Kepentingan prinsip pembangunan kapasiti diri ini juga terserlah dalam sebuah hadis Rasulullah SAW di mana baginda SAW menyifatkan orang yang tidak berkembang ke arah yang lebih baik sebagai orang yang dilaknat. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَ يَوْمَهُ خَيْرًا مِنْ أَمْسِهِ فَهُوَ رَابِحٌ. وَمَنْ كَانَ يَوْمُهُ مِثْلَ أَمْسِهِ فَهُوَ مَعْتُونٌ. وَمَنْ  
 كَانَ يَوْمُهُ شَرًّا مِنْ أَمْسِهِ فَهُوَ مَلْعُونٌ

*Maksudnya:* “Barangsiapa yang harinya sekarang lebih baik daripada kemarin maka dia termasuk orang yang beruntung. Barangsiapa yang harinya sama dengan kemarin maka dia adalah orang yang merugi. Barangsiapa yang harinya sekarang lebih jelek daripada harinya kemarin maka dia terlaknat.”

Melalui penglibatan dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti, Masyarakat setempat akan dapat membangunkan lagi kapasiti mereka melalui penglibatan dalam pendidikan sama ada secara langsung atau tidak yang berlaku sepanjang program pelancongan tersebut dilaksanakan. Masyarakat setempat akan belajar cara untuk menguruskan perniagaan mereka, mempromosikannya, menguruskan peluang dan risiko serta pelbagai lagi ilmu yang berkaitan.

BIL	PRINSIP PELANCONGAN BERTERASKAN KOMUNITI	ASAS SYARAK
1	Penglibatan Komuniti	Konsep Tolong Menolong dalam Kebaikan dan Ketakwaan
2	Sensitiviti Budaya	Konsep Menghormati Manusia dan Alam
3	Kemampuan Alam Sekitar	Konsep Menghormati Manusia dan Alam
4	Manfaat Ekonomi Untuk Komuniti	Konsep Peningkatan Diri ke Arah yang Lebih Baik
5	Menghormati Hak Asasi Manusia	Konsep Menghormati Manusia dan Alam
6	Pendidikan Serta Pembangunan Kapasiti	Konsep Peningkatan Diri ke Arah yang Lebih Baik

Rajah 1.0: Asas Syarak untuk Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti

## KESIMPULAN

Prinsip-prinsip yang digariskan dalam Pelancongan Berteraskan Komuniti mempunyai asasnya dalam Syariat Islam. Ianya adalah merupakan prinsip yang dianjurkan oleh Islam secara umum dan bukan hanya tertumpu kepada sektor Pelancongan Berteraskan Komuniti sahaja. Prinsip-prinsip umum yang terdiri dari penglibatan komuniti, sensitiviti budaya, kemampuan alam sekitar, manfaat ekonomi kepada komuniti serta pendidikan dan pembangunan kapasiti adalah terpakai dalam sektor-sektor lain juga seperti pertanian, perniagaan dan perumahan. Asas Islam

kepada penganjuran pemeliharaan terhadap prinsip-prinsip ini bolehlah disimpulkan pada tiga konsep utama. Pertama, tolong menolong dalam kebaikan dan ketakwaan. Kedua, menghormati manusia dan alam manakala ketiga pula ialah peningkatan diri ke arah yang lebih baik. Prinsip penglibatan komuniti terkandung dalam konsep tolong menolong dalam kebaikan dan ketakwaan. Prinsip sensitiviti budaya dan kemampunan alam sekitar pula terangkum dalam konsep menghormati manusia dan alam. Konsep peningkatan diri ke arah yang lebih baik pula merangkumi prinsip manfaat ekonomi kepada komuniti dan konsep pendidikan serta pembangunan kapasiti. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga konsep ini pastinya tunduk kepada asas utama setiap perkara dalam Islam iaitu ianya hendaklah patuh Shariah. Kesimpulannya, Islam tidak menghalang sebarang bentuk perusahaan dan menyokong segala prinsipnya selagimana ianya bertepatan dengan ajaran Syarak.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdul Aziz, E. (2018). Hak Asasi Manusia Dalam Islam. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2018/11/26/hak-asasi-manusia-dalam-islam/> Diakses pada 2024 November 26. 2024
- Ayob, N. L H., & Yaacob. Z. (2023). An introduction to community based tourism. Politeknik Merlimau, Melaka.
- Awang, I. (2009). *Penyelidikan ilmiah amalan dalam pengajian Islam*. Kamil & Shakir Sdn Bhd, Selangor
- Brida, J.G., Osti, L. and Barquet, A. (2010). Segmenting resident perceptions towards tourism-acluster analysis with a multinomial logit model of a mountain community. *International Journal of Tourism Research*, 12(5), 591-602.
- Choi, H.S.C. and Sirakaya, E. (2005). Measuring residents' attitude toward sustainable tourism: development of sustainable tourism attitude scale. *Journal of Travel Research*, 43(4), 380-394.
- Corbin, J. & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (3rd ed.). Sage, Thousand Oaks: CA.
- Cottrell, S.P., Vaske, J.J. and Roemer, J.M. (2013). Resident satisfaction with sustainable tourism: the case of Frankenwald Nature Park, Germany. *Tourism Management Perspectives*, 8, 42-48.
- Hussin, R. & Velan Kunjuran, V. (2017). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 160-174.
- Johnes, J., & Mapjabil, J. (2020). Isu dan cabaran pelancongan kembara dan masa depannya di Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 20(1),46-56.
- Kayat, K., & Zainuddin, N. F. A. (2016). Community-based tourism initiative in rural Malaysia: is it a success? *International Review of Management and Marketing*, 6 (Special Issue),

242–249.

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2022). MOTAC Sasar 9.2 Juta Kedatangan Pelancong Dengan Anggaran 26.8 Bilion Pendapatan Bagi Tahun 2022. <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/motac-sasar-9-2-juta-kedatangan-pelancong-dengan-anggaran-26-8-bilion-pendapatan-bagi-tahun-2022>. Diakses pada 2024, Disember 12.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2023). 2022 Laporan Tahunan MOTAC. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Putrajaya
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2024). Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan bil. 1 Tahun 2024. <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/mesyuarat-jawatankuasa-kebangsaan-pembangunan-pelancongan-dan-kebudayaan-bil-1-tahun-2024>. Diakses pada 2024, Disember 12.
- Khairuddin, N. K., & Ishak, M. S. I. (2022). Exploring Crowdfunding Potential for Supporting Community-based Tourism in Malaysia. *International Journal of Islamic Business (IJIB)*, 7(2), 1-12.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mathew, P. V. & Sreejesh, S. (2017), Impact of responsible tourism on destination sustainability and quality of life of community in tourism destinations. *Journal of Hospitality and Tourism Management*, 31, 83–89.
- Mohd. Sufi, S. S. (2009, Mei 22). Islam menuntut pembelajaran sepanjang hayat. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0522&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0522&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm). Diakses pada 2024, November 26.
- Othman, S. S., Azdi, W. M. F. & Hassan, F. (2012). Kesedaran budaya dan tanggungjawab media di Malaysia: Satu perbincangan dari perspektif Islam. *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 2(1), 17-38.
- Othman, Z. & Pon, Y. (2005). *Pengantar teori pembangunan dunia ketiga*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Parlimen Malaysia. (2021). Laporan Tahunan 2021. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2023-06-12/ST.147.2023%20-%20ST%20147.2023.pdf>. Diakses pada 2024, November 27.
- Patandianan, M. V., & Shibusawa, H. (2020). Important and performance of streetscapes at a tourism destination in Indonesia: *The residents' perspectives*. *Frontiers of Architectural Research*, 9(3), 641 – 655.
- Rojulai, N. (2012). Community Based Tourism: Malaysia homestay experience programme. [cbt-i.org](http://cbt-i.org)
- Salleh, N. H. M., Idris, S.M., Othman, R., & Suliza, S. (2013). Homestay as Malaysia rural tourism product: Community participation, the impact and potential development. *Advances. Natural and Applied Sciences*, 7(5), 532 – 542.
- Sambotin, D., Sambotin, A., Patrascoiu, M., Coroian, A., Merce, I. I. (2011). Ecotourism - A model of sustainable development of tourism means. *Journal Lucrari Stiintifice*,

*Universitatea de Stiinte Agricole Si Medicina Veterinara a Banatului, Timisoara, Seria I, Management Agricol*, 13(4), 221-226.

- Swarbrooke, J. (1999). *Sustainable tourism management*. Oxon: CAB International.
- The Malaysian Times. (2012, Dec 24). One billion tourists travelled worldwide:<http://www.themalaysiantimes.com.my/one-billion-tourists-travelled-world-wide/>
- United Nation. (2024). Sustainability. <https://www.un.org/en/academic-impact/sustainability> Diakses 2024, November 26.
- United Nation World Tourism Organization. (2024). Sustainable Tourism. <https://www.unwto.org/sustainable-development> Diakses pada 29 November 2024.
- Wilkinson, D. & Birmingham, P. (2003). *Using research instruments: A guide for researchers*. Routledge Falmer
- Yusof, Y., Ibrahim, Y., Muda, M. S., & Amin, W. A. A. W. M. (2012). Community based tourism and quality of life. *Review of Integrative Business and Economics Research*, 1(1), 336 - 346.
- Al-Zuhayli, W. (1986). *Usul al-fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikr.